

TAMU
VIP

MEF

MALAYSIAN EMPLOYERS FEDERATION

Persekutuan Majikan Majikan Malaysia


CHEH SAIFURIZAL SHARIF • FOTO: MOHD. IZWAN ZAINAL • TERIMA KASIH: MALAYSIAN EMPLOYERS FEDERATION (MEF)

2016 Tahun Sukar Buat Majikan & Pekerja - DATUK SHAMSUDDIN

JUMLAH PENGANGGUR SEMAKIN BERTAMBAH
DAN BILANGAN PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN
PULA MENINGKAT. ITU REALITI YANG PERLU
DITERIMA RAKYAT MALAYSIA DALAM SUASANA
EKONOMI YANG SURAM TAHUN INI.

Government - Laban Industry

pg: 28-31



Kebimbangan ini, mendorong HARMONI bertemu dengan tokoh yang banyak memperjuangkan nasib golongan pekerja dan majikan di negara ini. Lebih 20 tahun bersama Malaysia Employers Federation (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan menganggarkan ramai yang akan menderita akibat kehilangan pekerjaan sekiranya majikan tiada pilihan kerana terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi.

Kata beliau, memang benar proses pengurangan pekerja semakin rancak dilakukan oleh sesetengah syarikat hari ini. Ia berpunca daripada peningkatan kos operasi yang semakin tinggi sehingga mendorong majikan mengurangkan bilangan pekerja demi kelangsungan bisnes ataupun terpaksa gulung tikar. Mungkin nasib sebahagian besar warga kerja di Malaysia bagaikan telur di hujung tanduk. Bayangkan berdasarkan data yang dikeluarkan MEF, badan ini menganggarkan seramai 25,000 ribu orang telah kehilangan pekerjaan sejak akhir 2015. Itu adalah angka yang cukup membimbangkan dan tidak pernah berlaku dalam tempoh kebelakangan ini.

Ketika negara sedang fokus untuk mencapai taraf negara maju menjelang Wawasan 2020, rakyat negara dilanda gelombang besar angkara kemelesetan ekonomi dunia. Lebih merisaukan beliau, peluang pekerjaan baharu kemungkinan sukar untuk dicari ekoran majikan-majikan khususnya di sektor swasta tidak mampu lagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu terutamanya bagi golongan middle level management.

"Fenomena ini boleh dianggap sudah bermula sejak tahun lepas. Aktiviti-aktiviti yang dikira sebagai negatif kepada pertumbuhan pekerjaan terutamanya bagi syarikat besar atau kecil sudah mula mengurangkan jumlah pekerja mereka.

"Mengikut data September 2015 menunjukkan kira-kira 15 ribu orang pekerja telah diberhentikan. Tidak mustahil angka tersebut mungkin mungkin meningkat pada 20 ribu atau 21 ribu orang pekerja telah diberhentikan.

"Jumlah tersebut tidak termasuk lagi dengan pemberhentian sebanyak 6,000 orang pekerja yang dilakukan oleh Malaysian Airlines (MAS) yang saya anggarkan secara keseluruhan 25 ribu orang hilang pekerjaan pada akhir tahun 2015," jelasnya memberitahu angka tersebut mungkin lebih tinggi lagi jika dicampurkan dengan jumlah pemberhentian lima atau kurang pekerja oleh sesetengah syarikat.

Menurutnya, terdapat pelbagai faktor yang menjurukan kepada keadaan ini. Jika keadaan tidak berubah dengan segera, jelasnya, kemungkinan besar masalah akan lebih meruncing di masa akan datang.

"Berdasarkan ramalan Bank Dunia dan Dana Pertumbuhan Antarabangsa (IMF) akhir tahun lepas menunjukkan ekonomi dunia mengalami pertumbuhan sekitar tiga peratus dan bakal mengalami kegawatan pada tahun ini.



"Meskipun Malaysia pada tahun 2016 dijangkakan mengalami pertumbuhan ekonomi sekitar empat peratus mungkin tidak mampu mengekang aktiviti-aktiviti pengurangan pekerja yang sedang rancak dilakukan pada hari ini.

"Bukan setakat itu, terdapat juga ura-ura mengatakan syarikat-syarikat besar yang melabur di dalam negara bakal menghentikan operasinya akibat peningkatan kos operasi yang dikira amat tinggi pada hari ini," katanya lagi.

MAJIKAN TERSEPIH

Katanya, permasalahan yang dialami ini kemungkinan besar turut berlaku disebabkan perancangan kerajaan untuk menaikkan kadar gaji minimum yang bakal bermula Julai tahun ini.

"Sekitar bulan Julai nanti, kadar gaji minimum akan dinaikkan dari RM900 ke RM1,000 bagi Semenanjung Malaysia yang memperlihatkan peningkatan sebanyak 11 peratus kos gaji terendah. Manakala, bagi Sabah dan Sarawak gaji minimum dinaikkan dari RM800 ke RM920 iaitu peningkatan 15 peratus kos gaji terendah.


"Soalnya di sini, apakah syarikat-syarikat yang terlibat mampu menanggung kos berkenaan? Realitinya kebanyakan syarikat sedang mengalami penurunan pendapatan mereka.

"Ada yang mengalami penurunan pendapatan sehingga 40 peratus sekali gus tidak membolehkan sesebuah syarikat terus menanggung kos yang diakibatkan daripada peningkatan gaji minimum berkenaan.

"Jadi sesetengah syarikat yang mengalami masalah ini terpaksa melakukan rasionalisasi terhadap operasi syarikat mereka," tambahnya lagi.

200 RIBU GRADUAN TIDAK BEKERJA

Selain itu, isu graduan menganggur akibat sukar mendapat kerja juga menjadi beban besar kepada negara. Ia mungkin menjadi satu petunjuk bahawa sektor swasta kini tidak mampu lagi menawarkan peluang pekerjaan baru.



Seorang yang tenang dan tegas dalam kerjaya.

"Merujuk pada data pada tahun 2014 kira-kira 110 ribu atau 115 ribu orang graduan yang mempunyai ijazah dan diploma masih menganggur.

"Pada tahun 2015, data menunjukkan terdapat kira-kira 300 ribu orang graduan telah menamatkan pengajian mereka dan akan terus bertambah saban tahun.

"Saya berasakan ia merupakan data yang konservatif. Dan, jika kita teliti pada tahun 2016 keadaannya akan lebih kritikal kerana tahun ini kita jangkakan majikan tidak akan mengambil pekerja baharu terutamanya mereka yang tergolong dalam middle level management.

"Saya bimbang jika ini tidak berlaku jadi akan lebih ramai lagi graduan-graduan kita akan terus menganggur. Jika ia lama berterusan tidak mustahil ia akan menimbulkan lebih banyak isu-isu permasalahan sosial di masa hadapan," jelas mengharapkan sesuatu drastik supaya majikan dapat diberikan intensif untuk

terus mengekalkan pekerja yang sedia ada dan peluang pekerjaan kepada para graduan.

Meskipun data menunjukkan bahawa kadar pengangguran kerja di Malaysia sebanyak 30.1 peratus, jelas Datuk Shamsuddin, ia perlu dilihat secara lebih mendalam lagi. Ini kerana, rata-rata yang menganggur hari ini mempunyai kelulusan yang tinggi.

"Kita mengharapkan kerajaan melihat semula tentang polisi sedia ada supaya majikan tidak dibebani dengan peningkatan kos perniagaan. Saya berpandangan meskipun gaji itu lebih rendah sedikit tetapi memiliki pekerjaan adalah lebih baik dari bergaji tinggi yang segelintir sahaja digajikan," nasihat beliau.

PERANAN MEF

Sebagai sebuah persatuan majikan, MEF sebenarnya telah memberikan nasihat yang sewajarnya kepada para majikan agar lebih bertanggungjawab sekiranya ingin membuat sesuatu khususnya mengurangkan pekerja.

"Sebelum melakukan pemberhentian pekerja, syarikat hendaklah mengambil langkah-langkah berjimat cermat dan juga tidak melakukan proses pengurangan pekerja sebagai pilihan awal. Jadi pemberhentian kerja haruslah dilihat sebagai suatu keputusan yang terakhir.

"Di MEF kita harapkan pihak syarikat lebih berhati-hati dan bertanggungjawab apabila ingin membuat sesuatu penstrukturan semula. Pada masa yang sama, kita harapkan pihak kesatuan pekerja juga lebih memahami keadaan ini.

"Jika ekonomi kembali pulih semula tidak mustahil majikan lebih bersedia untuk terus mendapatkan peluang-peluang yang terbaik lagi.

"Saya sebenarnya tertarik dengan sebuah syarikat sewaktu krisis kewangan yang berlaku sebelum ini.

Syarikat ini membenarkan pekerja tidak hadir bekerja dalam sesuatu tempoh yang lama dan turut diberikan gaji kira-kira 60 peratus.

"Pekerja juga dibenarkan untuk melakukan sebarang kerja lain. Tapi apabila ekonomi berkembang semula pekerja syarikat ini dipanggil semula untuk meneruskan operasi seperti biasa.

"Saya beranggapan ia satu model yang baik untuk diamalkan dan tidak sebab negara ini tidak harus diikuti oleh syarikat-syarikat lain. Ia adalah satu tindakan yang berkhemah untuk mengekalkan tenaga pekerja meskipun mereka tidak datang bekerja.

"Pada masa yang sama, pihak kerajaan harus memberikan galakan-galakan tertentu kepada majikan untuk melaksanakan sesuatu inisiatif untuk mengekalkan pekerjaan kepada pekerja mereka.

"Jika tidak dibuat isu-isu pengangguran akan menjadi lebih tinggi dan sebagainya," ujarinya sambil berharap semua pihak memainkan peranan demi masa depan negara. ■